

Headline	Wan Junaidi ke Indonesia bincang usaha tangani jerebu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Oct 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,286
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,858



Wan Junaidi ke Indonesia bincang usaha tangani jerebu

cyberjaya: Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, akan ke Indonesia hari ini bagi berbincang berhubung bantuan yang boleh diberikan serta masih diperlukan republik itu bagi menangani masalah jerebu.

Beliau difahamkan 1.7 juta hektar hutan terbakar di Sumatera dan bukan mudah untuk dipadamkan oleh kerajaan negara itu.

"Jadi, dalam keadaan sedemikian, Indonesia perlukan bantuan kita. Saya akan ke sana untuk bertanya apa lagi bantuan yang boleh kita berikan kepada mereka.

"Pada masa yang sama, saya akan bincang dengan Menteri Alam Sekitar dan Perhutanan Indonesia (Siti Nurbaya Bakar) berhubung perjanjian persefahaman antara Malaysia serta Indonesia, mengenai program pencegahan pencemaran jerebu merentas sempadan," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan perjumpaan dengan Ahli Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) Sesi

2015-2017.

Yang turut hadir, Pengerusi MFRDB, Datuk Seri Zool Azha Yusoff dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abdul Latif Mahmod.

Hantar misi kedua

Malaysia akan menghantar misi kedua bagi membantu Indonesia memadamkan kebakaran di Sumatera Selatan, yang menyebabkan jerebu teruk melanda beberapa negara di rantau ini.

Sebelum ini, misi pertama membabitkan 25 anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bersama dua aset, pesawat Bombardier CL415 dan helikopter AS 365 N3 Dauphin, kembali ke tanah air untuk menjalani penyelenggaraan.

Bombardier CL415 melaksanakan 176 pelepasan air bagi memadamkan kawasan terbakar seluas 175 kilometer persegi sejak 9 Oktober lalu.

Wan Junaidi berkata, beliau turut dimaklumkan oleh Menteri Luar Indonesia, Retno LP Marsudi, bahawa misi bantuan pertama oleh negara ini amat berkesan.

"Tapi kita hanya ada satu pesawat Bombardier CL415, yang mana ia perlu dibawa balik bagi penyelenggaraan sebelum dihantar semula untuk misi kedua, kita juga boleh tawarkan khidmat polis dan bomba untuk beri bantuan tambahan," katanya.

Headline	Wan Junaidi ke Indonesia bincang usaha tangani jerebu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Oct 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	15	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,286
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,858

“
*Saya akan
 bincang
 berhubung
 perjanjian
 persefahaman
 antara Malaysia
 serta Indonesia,
 mengenai
 program
 pencegahan
 pencemaran
 jerebu merentas
 sempadan”*
**Wan Junaidi
 Tuanku Jaafar,**
 Menteri Sumber Asli
 dan Alam Sekitar